



EDARAN DALAMAN:
MAKLUMAN PENANGGUHAN PENDAFTARAN DAN PELAKSANAAN
AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Susulan daripada kenyataan Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 2 Oktober 2020 berikutan peningkatan kes COVID-19, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan **menangguhkan pendaftaran dan semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka** untuk pelajar baharu dan sedia ada yang akan memulakan/menyambung pengajian pada Semester 1 Sesi 2020/2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
2. Pelajar baharu Bachelor dikehendaki melengkapkan pra-pendaftaran dalam sistem e-daftar melalui pautan <https://edaftarsmp.upm.edu.my/>. Sebarang pertanyaan berkenaan urusan kemasukan pelajar boleh dirujuk kepada Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik di talian 03-9769 3251/6059/7820/6056. Minggu Perkasa Putra (suai kenal) juga akan dilaksanakan secara maya. Informasi berkaitan dengan pendaftaran kursus dan pengendalian kelas maya akan dibuat semasa Minggu Perkasa Putra
3. Pelajar sedia ada yang telah berada di kampus dibenarkan untuk kekal berada di kolej kediaman masing-masing. Bagi pelajar yang belum kembali ke kampus, tetapi memerlukan kemudahan internet di kolej kediaman (selain dari zon merah), pelajar boleh memohon kepada Pengetua Kolej Kediaman masing-masing, dan Pengetua akan mempertimbangkan permohonan yang dimajukan. Hanya pelajar yang mendapat kebenaran sahaja dibenarkan untuk kembali ke kampus.
4. Segala perubahan dalam garis panduan UPM yang disebabkan oleh perubahan polisi dan peraturan Kerajaan Malaysia sepanjang tempoh pandemik ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Terima kasih dan sama-sama kita berdoa semoga situasi COVID-19 ini akan bertambah pulih dan sila patuhi semua arahan Pihak Berkuasa.

Prof. Ts. Dr. M. Iqbal Saripan
Timbalan Naib Canselor (Akademik
dan Antarabangsa)
Universiti Putra Malaysia
dvcai@upm.edu.my

Prof. Dr. Arifin Abdu
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal
Pelajar dan Alumni)
Universiti Putra Malaysia
tncheпа@upm.edu.my